



## KENYATAAN MEDIA

### PELAN REKALIBRASI PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)

12 NOVEMBER 2020

---

---

1. Kerajaan pada 21 Oktober 2020 telah bersetuju dengan cadangan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang merangkumi dua komponen utama program khas seperti berikut:
  - i. **Program Rekalibrasi Pulang**; dan
  - ii. **Program Rekalibrasi Tenaga Kerja**
2. **Program Rekalibrasi Pulang** merupakan program yang membenarkan PATI untuk pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.
3. Manakala **Program Rekalibrasi Tenaga Kerja** pula merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.
4. Pelan Rekalibrasi PATI ini akan dilaksanakan bermula **16 November hingga 30 Jun 2021** oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan kerjasama strategik daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia serta agensi-agensi Kerajaan yang lain tanpa penglibatan vendor atau pihak ketiga.

5. Justeru, semua PATI dan majikan yang berhasrat untuk menyertai Program Rekalibrasi Pulang atau Program Rekalibrasi Tenaga Kerja di bawah Pelan Rekalibrasi PATI perlu **berurus secara terus dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Manusia.**
6. Pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI juga tidak akan melibatkan pertambahan kos operasi kepada Kerajaan atas justifikasi pelaksanaan Pelan ini dikendalikan sepenuhnya oleh Agensi Kerajaan.
7. Malah, Kerajaan **dijangka akan memperolehi kutipan hasil sebanyak RM95 juta daripada kompaun serta bayaran-bayaran lain yang dikenakan terhadap PATI dan majikan.**
8. Dalam landskap ekonomi yang tidak menentu akibat penularan pandemik Covid-19, Kerajaan telah membuat timbang tara yang strategik terhadap Pelan ini dengan menilai kesan positif serta kesan negatif pelaksanaannya.
9. Antara lain, ini termasuklah **kepentingan untuk memulihkan semula sektor ekonomi yang terjejas akibat impak buruk Covid-19** terhadap ekonomi negara dengan membenarkan perusahaan dan syarikat beroperasi menurut SOP ketat dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
10. Selain itu, pertimbangan turut diberikan dari aspek keperluan untuk **mengumpulkan data taburan serta demografi PATI di Malaysia bagi tujuan penguatkuasaan** yang menyeluruh seperti mana digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak awal tahun 2020.
11. Pendataan PATI boleh diselaraskan melalui maklumat yang dikemukakan oleh PATI dan majikan semasa pendaftaran Program Rekalibrasi Pulang dan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja di Jabatan Imigresen Malaysia.

12. Harus diberikan penekanan dan penegasan bahawa penawaran program tenaga kerja kepada PATI yang sedia ada di Malaysia adalah **tidak mengugat pasaran serta peluang pekerjaan di kalangan rakyat Malaysia sendiri**.
13. Malah peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan adalah terjamin tertakluk kepada dasar penetapan nisbah pekerja tempatan dan pekerja asing yang berkuat kuasa ketika ini.
14. Kerajaan sentiasa mengutamakan rakyat tempatan bagi mengisi kekosongan tenaga kerja dalam semua sektor ekonomi yang mana selaras dengan pendirian dan dasar Kerajaan dalam perancangan serta pengurusan tenaga kerja di Malaysia.
15. Buat masa ini, hanya **majikan yang beroperasi dalam empat sektor yang bersifat 3D iaitu *dangerous, difficult* dan *dirty*** dibenarkan untuk mengambil PATI sebagai pekerja dalam tempoh pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI.
16. Empat sektor berkenaan adalah;
  - i. **Sektor pembinaan;**
  - ii. **Sektor perkilangan;**
  - iii. **Sektor perladangan; dan**
  - iv. **Sektor pertanian**
17. Permohonan pendaftaran untuk temujanji bagi Pelan Rekalibrasi PATI akan dibuka mulai 16 November 2020 dan majikan yang ingin menyertai Pelan Rekalibrasi PATI ini hendaklah menghubungi Jabatan Imigresen Malaysia serta Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan sektor masing-masing.

18. Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama strategik Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan **libat urus dengan pihak Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Asing serta pemain industri** di Malaysia bagi menyampaikan maklumat tepat kepada PATI dan majikan tentang Pelan ini.
19. Untuk itu, satu **Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI telah ditubuhkan dan diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**.
20. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia serta beberapa agensi berkaitan yang berperanan untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI.
21. Tambahan daripada itu, Jawatankuasa Khas bagi membincangkan hal ehwal pekerja asing yang dipengerusikan bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia juga bermesyuarat setiap 3 bulan.
22. Jawatankuasa Khas peringkat menteri ini turut membincangkan keperluan untuk meluaskan Pelan Rekalibrasi PATI kepada sektor-sektor lain kelak dan dasar berkaitan Ekspatriat. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini dijadualkan pada 3 Disember 2020.
23. Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia juga bersetuju untuk mengintegrasikan dan berkongsi data bagi menguruskan hal ehwal pekerja asing, termasuklah penyeragaman pembayaran gaji melalui satu sistem e-wages yang sama. Perkara ini akan dibincangkan lebih lanjut dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam mensyuarat Jawatankuasa Khas peringkat menteri akan datang.

24. Bagi menyokong penuh dasar Kerajaan untuk mengutamakan tenaga kerja tempatan dalam semua sektor ekonomi, **pembekuan kemasukan pekerja asing baharu ke Malaysia akan diteruskan.**
25. Kementerian Dalam Negeri mengingatkan bahawa selepas tempoh pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI pada 30 Jun 2021, **Jabatan Imigresen Malaysia akan melaksanakan sepenuhnya Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI iaitu operasi penguatkuasaan secara besar-besaran.**
26. **Sekiranya disabitkan bersalah, majikan yang didapati menggajikan PATI akan dikenakan hukuman yang maksimum iaitu denda sebanyak RM50,000 atau penjara sehingga 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang pekerja yang diambil. Bagi majikan yang menggajikan lebih daripada lima orang, majikan akan dikenakan hukuman sebat.**
27. Sehubungan itu, majikan wajar mengambil peluang pelaksanaan Pelan ini untuk mendaftarkan PATI sedia ada di Malaysia sebagai sumber tenaga kerja di semua sektor ekonomi yang terlibat.

**DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**  
Menteri  
Kementerian Dalam Negeri

---

*Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media ini sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03 – 8886 8451/ 3406 / 8035*